



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# **KERATAN AKHBAR 27 APRIL 2017**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# ISU : PROGRAM PERKESO PRIHATIN

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	27.04.2017 Khamis	<b>HARIAN METRO</b> Dugaan disapa kanser tahap empat	Tengah 56	PERKESO JKM

## Dugaan disapa kanser tahap empat

■ Isteri berhenti kerja jaga suami terlantar derita barah paru-paru

Nursyahrah Marzuki  
am@hmetro.com.my

Selangor

**“W**alaupun suami terlantar, saya berjanji akan menjaga hingga akhir hayatnya kerana dia sudah banyak berkorban untuk keluarga terutama dalam membesarkan sembilan anak kami yang berusia dua hingga 24 tahun.”

Itu luahan Rohani Abu Bakar, 41, isteri kepada Abdul Kadir Ibrahim, 58, yang kini terlantar selepas disahkan menghidap kanser paru-paru tahap empat sejak tahun lalu.

Ibu sembilan anak itu berkata, dia tidak menyangka suami yang menjadi tulang belakang keluarga kini tidak lagi mampu bergerak sejak menghidapi penyakit berkenaan.

“Pada awalnya, suami hanya mengadu sakit belakang, tetapi selepas membuat pemeriksaan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI), suami disahkan menghidap kanser tahap empat.

“Saya tidak sangka perkara ini berlaku kepada saya



SHAHRUM menyerahkan sumbangan kepada Abdul Kadir yang menghidap kanser paru-paru tahap empat di Pangsapuri Langkat Utama, Sepang.

mi saya kerana dia seorang yang sihat dan tidak menunjukkan sebarang tanda sakit sebelum ini,” katanya ketika ditemui pada Program Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Prihatin bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil Shahrum Mohd Sharif, di sini, semalam.

Hadir sama Pengurus Pejabat PERKESO Kajang Thavamani Ramalingam.

Berikutan lawatan itu, Ab-

dul Kadir menerima bantuan alat pemulihan dari PERKESO seperti lampin pakai buang dan ‘ripple mattress’ selain bantuan bulanan RMI,054 bagi membantu meringankan beban keluarga itu.

Katanya, dia terpaksa berhenti kerja sebagai pengawal keselamatan untuk menjaga suaminya dan hanya bergantung dengan bantuan daripada pusat zakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat

(JKM) untuk menyara keluarga.

Rohani berkata, sebelum ini, suaminya seorang yang ceria dan sentiasa bergurau senda dengan anak-anak menjadikan rumah mereka meriah dengan hilai tawa.

Namun kini, katanya, suasana amat berbeza memandangkan suaminya tidak mampu bercakap banyak dan bergurau kerana keadaan kesihatannya yang tidak mengizinkan.

# ISU : KEMALANGAN TEMPAT KERJA

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
2.	27.04.2017 Khamis	<b>BERITA HARIAN</b> Pemaju kondominium ingkar larangan DOSH	Halaman Kota 13	DOSH

**Pemaju kondominium ingkar larangan DOSH**

**Agensi siasat aduan penduduk Jalan Sultanah Zainab sering 'dihujani' sisa binaan**

**Oleh Siti Rohana Idris**  
bhkb@bh.com.my  
Kota Bharu

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) Kelantan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pemaju yang bertanggungjawab melaksanakan pembinaan kondominium di Jalan Sultanah Zainab, di sini, jika ada bukti objek dari pembinaan berkenaan jatuh ke rumah penduduk.

Pengarah DOSH negeri, Mohammad Nizam Ali, berkata pihaknya sedang menyiasat pemaju terbabit kerana didakwa melakukan kerja yang membahayakan penduduk yang tinggal berhampiran.

Katanya, DOSH ada menerima aduan penduduk berhampiran kondominium itu mengenai bahan binaan yang sering jatuh dan menimpa kehlaman mereka.

Pemaju berkenaan juga sudah menerima notis larangan daripada DOSH Kelantan pada 2 April lalu supaya membenarkan kerja sehingga DOSH berpuas hati dengan tindakan pencegahan dilakukan, katanya.

**Notis larangan**

"Notis larangan itu sudah diberikan beberapa kali dan terbaru pada 2 April lalu bagi menyekat sementara kerja pembinaan. Kita menerima banyak aduan daripada penduduk berkaitan hal ini dan beberapa notis larangan sudah diberikan.

"Notis larangan itu adalah bagi menyekat kerja pembinaan sehingga ditambah baik, contohnya untuk mengelakkan bahan binaan jatuh," katanya.

Mohammad Nizam berkata, sepatutnya pemaju mengambil berat ciri keselamatan memandangkan

**Masih beroperasi**

Sementara itu, tinjauan BH di Jalan Sultanah Zainab semalam mendapati, pemaju kondominium itu seolah tidak menghiraukan notis larangan DOSH apabila masih terdapat kelibat pekerja di kawasan pembinaan itu yang sedang melakukan kerja masing-masing.

Rata-rata penduduk pula masih dibelenggu kekhilangan bekutuan penempatan mereka dihujani sisa binaan setiap kali kerja pembinaan dilakukan dari jam 8 pagi hingga 6 petang sebelum disambung semula pada jam 8 malam hingga 12 tengah malam.

Wakil penduduk, Moi King Yoke, 55, mendakwa kejadian 'hujan batu' yang melanda kawasan rumahnya tidak mengira siang atau malam, sekali gus ia tidak menunjukkan tanda-tanda kerja pembinaan berkenaan dihentikan sementara waktu.

**Mohammad Nizam Ali,**  
Pengarah DOSH Kelantan

**Kontraktor tetap menjalankan kerja** pembinaan kondominium.